

11 AUG 1998

DR MAHATHIR TIBA DI PULAU PINANG UNTUK RASMI MENARA UMNO

PULAU PINANG, 11 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan sehari ke Pulau Pinang.

Ketibaan Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas disambut oleh 1,000 orang didahului Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Yang turut tiba bersama Dr Mahathir ialah Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyambut ketibaan Dr Mahathir di Menara UMNO di Jalan Macalister yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri. Mereka akan menghadiri mesyuarat tertutup Jawatankuasa Badan Perhubungan UMNO Negeri selepas itu.

Dr Mahathir kemudiannya akan diraikan dalam satu majlis makan malam di sebuah hotel dan mengakhiri kunjungannya dengan menyampaikan amanat kepada rakyat negeri ini di Pusat Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang di sini.

-- BERNAMA

AA MAI